

**IKLAN JAWATAN KOSONG  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan seperti berikut:

1. (a) Jawatan/Gred : Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) – Gred N11  
(b) Agensi : Kementerian Sumber Manusia  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
2. Jadual Gaji : Gred N11  
P1T1 RM709.59 - P1T22 RM1750.21  
P2T1 RM752.06 - P2T22 RM1839.98  
P3T1 RM796.16 - P3T22 RM1931.38
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

**A. LANTIKAN TERUS**

(a) warganegara Malaysia

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang setaraf dengannya oleh kerajaan; dan

(ii) mempunyai kelayakan di perenggan 3 ( c ) (i) di atas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di bawah; atau

(iii) Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau

(iv) Kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : P1T2) atau

(v) Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setarafnya dengannya oleh kerajaan serta

lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di bawah.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11:P1T2)

## **B. KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Pembantu Am Pejabat, Atenden Kesihatan, Atendan Haiwan, Bentara Parlimen, Pengawas Pemulihan, Penghantar Notis, Penyelamat dan Penyelia Jeti adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (c) di atas; atau
  - (ii) lulus peperiksaan Khas: atau
  - (iii) lulus Peperiksaan Khas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di bawah; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### 4. Ujian Masuk

- (a) Calon di perenggan 3 (c)(ii), (iv) dan 3.B. (a) (iii) dikehendaki mengambil satu ujian menaip dan lulus dengan mencapai kederasan paling rendah 25 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 30 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak melebihi 4%.
- (b) Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan mendapat kelulusan taip-menaip dalam kedua-dua fasa:-
  - (i) Sijil Kecekapan; dan
  - (ii) Sijil Ujian Laju pada peringkat pertengahan atau peringkat tinggi boleh dikecualikan daripada ujian menaip yang disyaratkan di perenggan 4 (a);
- (c) Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan kelulusan peringkat pertengahan adalah layak dilantik atas Gred N11:P1T4 dan peringkat tinggi atas Gred N11:P1T6.

### 5. Taraf Jawatan : Tetap

6. Tempoh Percubaan : 1 hingga 3 tahun
7. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki Perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
8. Fungsi Bidang Tugas : Menaip sebarang dokumen seperti surat, memo, kertas kerja dan minit mesyuarat seperti yang diarah oleh pegawai. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.
9. Elaun dan kemudahan:
- 9.1 Elaun :
- (i) Imbuhan Tetap Khidmatan Awam  
- RM95.00
  - (ii) Imbuhan Tetap Perumahan  
- RM180.00
  - (iii) Bantuan Sara Hidup
- 9.2 Kemudahan :
- (i) Cuti Rehat
  - (ii) Faedah Rawatan Perubatan
  - (iii) Pinjaman Perumahan
  - (iv) Pinjaman Komputer
  - (v) Pinjaman Kenderaan
  - (vi) Faedah Persaraan
10. Cara Memohon : (i) Permohonan hendaklah dibuat secara online di <http://www.jobsmalaysia.gov.my>
- (ii) Permohonan daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang telah disahkan dan dilengkapi oleh Ketua Jabatan masing-masing dengan mencatatkan No Kad Pengenalan (12 digit) disudut atas sebelah kiri sampul surat berkenaan ke alamat :

**Ketua Setiausaha,  
Kementerian Sumber Manusia,  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Aras 8, Blok D3, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62530 Putrajaya.**

- (iii) Tarikh tutup permohonan : **31 Disember 2008**
11. Catatan Am :
- (i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk temuduga.
  - (ii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup atau selepas ditemuduga hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
  - (iii) Segala tuntutan perbelanjaan kerana menghadiri temuduga kelak tidak ditanggung oleh Kementerian.